


BULETIN ICT

NEGERI MELAKA

EDISI BULAN OGOS 2014



SISTEM PENGOPERASIAN

(Operating System)

FOKUS

- Kenali Sistem Pengoperasian
- 5 Sistem Pengoperasian POPULAR
- Sejarah Perkembangan Sistem Pengoperasian

TOKOH



Linus Torvalds

Pencipta
Sistem Pengoperasian
Linux

INFORMASI

- Amazon Ambil Alih Twitch
- Samsung Galaxy Alpha Diperkenal
- Akaun Twitter JPAM DIGODAM!!

OGOS 2014



Penerbitan:



Sektor K-Ekonomi
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi
Jabatan Ketua Menteri Melaka

Perutusan Ketua ICT Negeri Melaka

BISMILLAHIRAHMANNIRAHIM
Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera



Sistem Pengoperasian merupakan perisian asas yang diperlukan oleh setiap komputer atau peranti. Ianya merupakan medium komunikasi antara pengguna atau aplikasi dengan perkakasan. Antara sistem pengoperasian komputer yang popular ialah Microsoft Windows, Apple iOS, Linux, Google Android dan sebagainya.

Terminologi yang digunakan sebagai sistem pengoperasian untuk sesuatu peranti pula dikenali dengan nama *firmware*, yang digunakan dalam hampir semua peralatan seperti telefon, *video game*, pemain DVD, *television*, GPS, *router*, modem dan boleh dikatakan semua alat elektronik mempunyai sistem pengoperasiannya sendiri.

Dari segi sejarah, sistem pengoperasian pertama dibangunkan ialah pada tahun 1950-an iaitu pada peranti seumpama kalkulator, dan bertitik-tolak dari inovasi berkenaan, pelbagai ciri telah diperlengkapkan kepada sistem pengopera-

sian berkenaan supaya lebih efisien dan mempunyai kecerdikan buatan, supaya boleh memilih keputusan berasaskan parameter-parameter yang diterima.

Seperti semua perisian lain, sistem pengoperasian juga terbuka kepada serangan pengodam, oleh yang demikian, pengeluaran sistem pengoperasian atau pembuat peranti berkenaan akan mengeluarkan versi sistem pengoperasian yang ditambah baik dari semasa ke semasa.

Setiap pengguna perlu merujuk manual komputer dan peranti mereka supaya mengetahui kaedah menyemak versi sistem pengoperasian mereka. Tidak kurang juga dengan sesuatu komputer atau peranti yang mempunyai beberapa sistem pengoperasian di dalamnya, sebagai contoh pada komputer, terdapat BIOS, *disk controller*, dan *display adapter* yang melakukan pememaskinian. Ia boleh dilakukan sendiri atau mendapatkan sokongan teknikal dari pihak ketiga, untuk melakukan '*flash*' kepada sistem berkenaan, iaitu merujuk kepada peningkatan versi *firmware* kepada sesuatu peranti.

Dr. Mohamed Sulaiman Sultan Suhaibuddeen
Ketua ICT Negeri Melaka @ Ketua Editor

ISI KANDUNGAN

FOKUS

Kenali Sistem Pengoperasian	4-5
Statistik Sistem Pengoperasian	5
5 Sistem Pengoperasian Popular	6-9
Perbandingan Sistem Pengoperasian Popular	10
Sejarah Perkembangan Sistem Pengoperasian	10-11

TOKOH

Linus Torvalds: Pencipta Linux	12
--------------------------------	----

INFORMASI

Amazon Ambil Alih Twitch	12
Samsung Galaxy Alpha Diperkenal	12
Akaun Twitter JPAM Digodam	12

PROGRAM

Senarai Program/Kursus ICT Ogos 2014	14
Lebih 300 Peserta Ikuti Seminar Pelaburan	14
Gambar Pelaksanaan Program ICT	15

Penaung

Y.A.B Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron
Ketua Menteri Melaka

Penasihat

YB Datuk Wira Hj. Naim bin Abu Bakar
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Ketua Editor

Dr. Mohamed Sulaiman bin Sultan
Suhaibuddeen
Ketua ICT Negeri Melaka

Editor

Muaz bin Ghazali

Penerbit & Percetakan

Sektor K-Ekonomi,
Bahagian Teknologi Maklumat
dan Komunikasi,
Inkubator K-Ekonomi, Jln. Business City,
Bandar MITC, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh, Melaka.

No.Tel : 06-2324425/4436
No.Faks : 06-2331460
Emel : buletin@emelaka.gov.my
Laman Web : <http://www.emelaka.gov.my>

Hak Cipta Terpelihara | Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sebelum mendapat izin bertulis daripada Sektor K-Ekonomi. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Sektor K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka tidak akan bertanggungjawab sekiranya maklumat di dalam Buletin ini menyebabkan kerugian kepada para pembaca kerana maklumat yang disampaikan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Sektor K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka.



Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Tahun 2014



Majlis Pelancaran ASB 2 Peringkat Negeri Melaka



Majlis Makan Malam Seminar JCC Felda 2014



Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Merdeka

Ikuti Perkembangan Y.A.B Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron

[f Idris Haron](#) twitter.com/idrisharon66



Lawatan Kerja Ketua Menteri Melaka ke Jepun



Majlis Perasmian Melaka MITS MATTA Fairs 2014


SISTEM PENGOPERASIAN

Definisi

Sistem pengoperasian atau lebih dikenali dengan singkatan nama OS adalah satu perisian atau program yang sangat penting bagi sesebuah komputer. Sistem pengoperasian mampu mengurus, menyelaras dan menjadi pengantara di antara perkakasan dengan perisian sesebuah komputer. Sistem pengoperasian digunakan di setiap alat peranti yang mengandungi komputer seperti telefon pintar, tablet, pelayan web mahupun konsol permainan video. Namun, pada hari ini, penggunaan sistem pengoperasian boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu sistem pengoperasian bagi kegunaan *desktop* dan peranti mudah alih (*mobile*)




Sistem Pengoperasian



Klasifikasi

<p>REAL TIME</p> <p>Menggunakan algoritma khusus dalam penjadualan masa yang mampu meramal hasil dalam sesuatu tempoh masa. Ia bertindak balas kepada input dengan serta merta</p>	<p>MULTI-USER</p> <p>Membolehkan dua atau lebih pengguna mengakses sistem komputer pada waktu yang sama</p>	<p>MULTI-TASKING</p> <p>Membenarkan lebih daripada satu program dijalankan pada masa yang sama dari sudut pandangan skala masa manusia</p>	<p>DISTRIBUTED</p> <p>Menguruskan sekumpulan komputer bebas yang menjadikan mereka kelihatan seperti satu komputer</p>
---	--	---	---




Kernel

Apakah itu kernel? Kernel adalah program komputer yang menguruskan permintaan *input/output* dari perisian dan menterjemahkan ia kepada arahan pemprosesan data untuk unit pusat pemprosesan dan komponen elektrik komputer yang lain. Kernel adalah satu bahagian asas bagi sistem pengoperasian komputer moden. Terdapat tiga fungsi utama bagi sesuatu kernel menjadi pengantara akses kepada sumber-sumber komputer iaitu:

- Unit Pemprosesan Pusat (*The central processing unit*)
- *Random-access memory* (RAM)
- Peranti *Input/Output* (*Keyboard, mouse, printer*)


Shell

Shell dari segi istilah perkomputeran adalah antara muka bagi pengguna untuk mengakses perkhidmatan sistem pengoperasian yang kebiasaannya mempunyai dua kaedah iaitu melalui *command-line interface* (CLI) atau *grafical user interface* (GUI) bergantung kepada peranan dan operasi komputer tertentu. Secara ringkasnya, *shell* adalah satu program komputer yang mengambil arahan pengguna dari papan kekunci (*keyboard*) kepada sistem pengoperasian untuk dilaksanakan.



Command-line Interface (CLI)

Command-line Interface adalah *shell* sistem pengoperasian yang menggunakan karakter huruf dan angka yang ditaip pada papan kekunci untuk memberikan arahan dan data kepada sistem pengoperasian. Di Windows, kebanyakan *shell* menggunakan *Windows shell* dan bukan CLI namun ia masih menyediakan CLI seperti *CMD.EXE* untuk digunakan. Di Linux, program *shell* dipanggil *bash*.




Graphical User Interface (GUI)

Penggunaan *shell* GUI adalah bertujuan untuk memanipulasikan program dengan membenarkan operasi seperti *opening, closing, moving* dan *resizing windows* berdasarkan kepada antara muka grafik pengguna. *Shell* GUI terdapat pada persekitaran *desktop* ataupun datang secara berasingan

Statistik

Menurut statistik yang dihasilkan oleh pelbagai pihak mengenai penggunaan dan kepopuleran sistem pengoperasian di kalangan pengguna dunia, apa yang dapat dirumuskan adalah sistem pengoperasian Microsoft Windows adalah merupakan sistem pengoperasian yang paling popular di kalangan pengguna *desktop*, manakala bagi pengguna peranti mudah alih pula, sistem pengoperasian iOS adalah sistem pengoperasian pilihan pengguna pada tahun ini sehingga bulan Ogos 2014 namun diikuti rapat oleh sistem pengoperasian Android milik Google.



SISTEM PENGOPERASIAN POPULAR



1. Microsoft Windows

Microsoft Windows adalah sistem pengoperasian yang paling popular di dunia ketika ini. Ia merupakan sistem pengoperasian yang dibangunkan dan dipasarkan oleh syarikat Microsoft khusus buat pengguna komputer peribadi. Pada 20 November 1985, syarikat Microsoft mula memperkenalkan versi pertama sistem pengoperasian Windows sebagai sistem pengoperasian lanjutan kepada *Microsoft Disk Operating System (MS-DOS)* di mana ia merupakan tindak balas kepada minat pengguna yang semakin meningkat dalam menggunakan antara muka pengguna grafik ketika itu walaupun pada mulanya Microsoft telah mengumumkan pengenalan sistem pengoperasian Windows pada tahun 1983.

Tahukah anda bahawa kod nama bagi Windows pada mulanya adalah Interface Manager? Ya, nama Interface Manager adalah dianggap nama akhir pada mulanya namun, nama Windows dipilih kerana ia lebih sesuai untuk menerangkan maksud perkomputeran tertingkap yang merupakan asas kepada sistem baru. Sejak memperkenalkan versi pertamanya iaitu Windows 1.0 pada tahun 1985, syarikat Microsoft terus mengorak langkah menghasilkan dan memperkenalkan pelbagai kemaskini sistem pengoperasian mereka sehingga dikenali di seluruh dunia.


Setelah hampir 25 tahun sistem pengoperasian Windows berada di pasaran, ia telah berjaya menguasai lebih 90% pasaran dunia bagi kegunaan komputer peribadi dan mengambil alih kedudukan sebagai sistem pengoperasian paling popular digunakan di dunia daripada sistem pengoperasian Mac OS. Versi yang terkini bagi sistem pengoperasian Microsoft Windows adalah Windows 8.1 yang diperkenalkan pada 18 Oktober 2013.



Antara muka pengguna bagi Sistem Pengoperasian Windows 8.1

SEJARAH Microsoft Windows

- Windows 1.0
20 November 1985
- Windows 2.0-3.1
1987 - 1992
- Windows 95
24 Ogos 1995
- Windows 98
25 Jun 1998
- Windows 2000
17 Februari 2000
- Windows XP
25 Oktober 2001
- Windows Vista
30 Januari 2007
- Windows 7
22 Julai 2009
- Windows 8
26 Oktober 2012
- Windows 8.1
18 Oktober 2013



Windows 1.0



Windows 8.1

2. Linux

Linux secara ringkasnya adalah sistem pengoperasian komputer seakan Unix yang diperkenalkan di bawah model kebebasan dan sumber terbuka bagi pembangunan perisian dan pengedaran. Ia mula diperkenalkan oleh Linus Torvalds iaitu seorang pelajar sains komputer di Universiti Helsinki, Finland pada 5 Oktober 1991.

Namun, segalanya bermula daripada sistem pengoperasian MINIX yang digunakan oleh Linus Torvalds namun beliau tidak berpuas hati dengan perlesenan oleh MINIX di mana penggunaannya terhad kepada tujuan pembelajaran sahaja. Sejak daripada itu, beliau mula membangunkan sistem pengoperasiannya sendiri dengan membina teras kepada sistem pengoperasian Linux yang dikenali sebagai kernel.

Kini Linux telah meraih populariti yang tinggi di kalangan pembangun UNIX mahupun pengguna biasa kerana mudah menggunakannya selain lesen perisian yang bebas dan percuma. Perbezaan yang ketara di antara sistem pengoperasian Linux berbanding sistem pengoperasian yang lain adalah kernel Linux dan komponen lain ditawarkan secara percuma dan merupakan perisian bersumber terbuka.

Selain itu, terdapat juga apa yang dikatakan sebagai *Linux distribution* ataupun lebih dikenali dengan singkatan *distro*. *Linux distribution* adalah sebuah sistem pengoperasian yang dihasilkan daripada koleksi perisian berasaskan kepada kernel Linux dan sistem pengurusan pakej (*package management system*)

10 Linux Distribution Yang Paling Popular

1. Linux Mint
2. Ubuntu
3. Debian
4. Mageia
5. Fedora
6. openSUSE
7. Arch Linux
8. CentOS
9. PCLinuxOS
10. Slackware Linux




Antara muka pengguna bagi Sistem Pengoperasian Linux (Ubuntu)



TUX

Tux adalah karakter penguin dan merupakan maskot rasmi kepada kernel Linux. Konsep penguin untuk maskot Linux diilhamkan sendiri oleh pengasas Linux iaitu Linus Torvalds. Imej Tux pula dilukis oleh Larry Ewing pada tahun 1996.

SEJARAH Linux




3. OS X

OS X adalah sistem pengoperasian berantaramuka pengguna berasaskan Unix yang dibangunkan dan dipasarkan oleh syarikat Apple yang dahulunya dikenali sebagai Mac OS X. Ia dibangunkan khusus untuk kegunaan komputer Mac di mana ia hadir secara pra-pasang di semua komputer Mac sejak tahun 2002.

Sistem pengoperasian OS X adalah pengganti kepada sistem pengoperasian Mac OS 9 yang diperkenalkan pada tahun 1999. Mac OS adalah sistem pengoperasian utama bagi Apple sejak tahun 1984. Huruf X pada nama OS X adalah nombor roman bagi angka 10 yang juga adalah sebahagian penting kepada identiti jenamanya. Huruf X juga digunakan untuk memberi penekanan pertalian di antara OS X dengan UNIX. OS X adalah merupakan versi utama sistem pengoperasian Apple yang kesepuluh untuk komputer Macintosh. Oleh itu, sebutan yang sebenarnya bagi OS X adalah OS 'Ten'. Namun terdapat juga pengguna yang keliru dengan menyebut OS 'X', mengekalkan sebutan huruf X.

OS X adalah berasaskan kepada kernel Mach di mana bahagian-bahagian tertentu daripada pelaksanaan sistem pengoperasian FreeBSD dan NetBSD dimasukkan ke dalam NeXTSTEP yang merupakan teras kepada sistem pengoperasian Mac OS X. NeXTSTEP adalah sistem pengoperasian berantaramuka pengguna berasaskan UNIX yang dibangunkan oleh syarikat Steve Jobs, NeXT selepas beliau meninggalkan syarikat Apple pada tahun 1985. Versi terkini sistem pengoperasian OS X adalah versi 10.9 dengan kod nama Mavericks. Pengganti kepada versi ini pula iaitu OS X 10.10 dengan nama Yosemite sedang melalui fasa beta dan dijangka dapat digunakan pada suku keempat tahun 2014.

Perkaitan Antara UNIX & Mac OS X



Antara muka pengguna bagi Sistem Pengoperasian OS X Mavericks

SEJARAH Sistem Pengoperasian Komputer Macintosh

- Mac OS System 1.0 (1984)
- Mac OS System 2.0 (1985)
- Mac OS System 3.0 (1986)
- Mac OS System 4.0 (1987)
- Mac OS System 6.0 (1988)
- Mac OS System 7.0 (1991)
- Mac OS 8.0 (1997)
- Mac OS 9.0 (1999)
- Mac OS X Server 1.0 (1999)
- Mac OS X 10.0 "Cheetah" (2001)
- Mac OS X 10.1 "Puma" (2001)
- Mac OS X 10.2 "Jaguar" (2002)
- Mac OS X 10.3 "Panther" (2003)
- Mac OS X 10.4 "Tiger" (2005)
- Mac OS X 10.5 "Leopard" (2007)
- Mac OS X 10.6 "Snow Leopard" (2009)
- Mac OS X 10.7 "Lion" (2011)
- OS X 10.8 "Mountain Lion" (2012)
- OS X 10.9 "Mavericks" (2013)
- OS X 10.10 "Yosemite" (2014)


4. Android



Android adalah sistem pengoperasian mudah alih yang berasaskan kepada kernel Linux. Kini ia dibangunkan oleh syarikat Google dan merupakan sistem pengoperasian mudah alih yang paling popular di dunia di mana penjualan peranti Android mengatasi jumlah jualan peranti iOS, Windows dan Mac OS pada tahun 2012, 2013 dan 2014.

Kod sumber Android dikeluarkan oleh Google di bawah lesen sumber terbuka walaupun sebahagian besar peranti Android dijual dengan kombinasi perisian bersumber terbuka dan proprietari. Android pada mulanya dibangunkan oleh syarikat Android yang diasaskan di Palo Alto, California pada tahun 2003 dan dibiayai kemudiannya oleh pihak Google sebelum Google membelinya pada tahun 2005. Android diperkenalkan pada tahun 2007.

Dengan antara muka pengguna yang berasaskan manipulasi secara langsung, Android direka terutamanya untuk peranti mudah alih skrin sentuh seperti telefon pintar dan tablet. Namun Android juga direka secara khusus untuk kegunaan televisyen (Android TV), kereta (Android Auto) dan jam tangan (Android Wear).



5. iOS



iOS atau dahulunya dikenali sebagai iPhone OS adalah sistem pengoperasian mudah alih yang dibangunkan oleh syarikat Apple dan diedarkan secara eksklusif untuk perkakasan dan peranti elektronik mudah alih Apple. iOS diperkenalkan pada tahun 2007 untuk kegunaan iPhone ketika tu dan seterusnya dilanjutkan perkhidmatan untuk menyokong peranti Apple yang lain seperti iPod Touch, iPad, iPad Mini dan Apple TV.

Seperti Android, antara muka pengguna bagi iOS juga adalah berasaskan kepada konsep manipulasi secara langsung iaitu menggunakan gerak isyarat pelbagai sentuhan. Manakala kernel bagi iOS pula menggunakan XNU iaitu kernel Darwin. Versi terkini bagi sistem pengoperasian iOS adalah iOS 8 yang dikeluarkan pada 17 September 2014. Versi utama bagi iOS dikeluarkan secara tahunan melalui iTunes.

Pada Jun 2010, Apple telah menjenamakan semula iPhone OS kepada iOS, namun cap dagang bagi nama IOS telah lama digunakan oleh Cisco untuk sistem pengoperasiannya yang digunakan pada routernya. Untuk mengelakkan sebarang tuntutan mahkamah di kemudian hari, syarikat Apple telah melesenkan cap dagang 'IOS' daripada Cisco.



- iPhone OS 1 , 6 Mac 2008
- iPhone OS 2 , 11 Julai 2008
- iPhone OS 3 , 17 Jun 2009
- iOS 4 , 21 Jun 2010
- iOS 5 , 12 Oktober 2011
- iOS 6 , 19 September 2012
- iOS 7 , 18 September 2013
- iOS 8 , September 2014



PERBANDINGAN SISTEM PENGOPERASIAN POPULAR

	Pembangun	Tahun Mula Dikeluarkan	Versi Terkini	Lesen	Klasifikasi
Windows	Microsoft	1985	Windows 8.1	Proprietari	Desktop
Linux	Linus Torvalds	1991	Linux 3.16.3	Sumber Terbuka	Desktop
OS X	Apple	1984	OS X 10.9	Proprietari	Desktop
Android	Google	2008	Android 4.4	Sumber Terbuka	Mobile
iOS	Apple	2007	iOS 8	Proprietari	Mobile

Sejarah Perkembangan Sistem Pengoperasian





LINUS TORVALDS

Pencipta Linux

Bagi mereka yang pernah menggunakan sistem pengoperasian Linux, tahukah anda bahawa pencipta sistem pengoperasian Linux ini adalah Linus Torvalds? Mari kenali secara ringkas mengenai kehidupan Linus Torvalds yang mencipta Linux pada tahun 1991 yang kini menjadi antara sistem pengoperasian bersumber terbuka yang terkenal di kalangan pengguna dunia.

Kehidupan Awal

Linus Torvalds atau nama sebenarnya ialah Linus Benedict Torvalds dilahirkan pada 28 Disember 1969 di Helsinki, Finland. Beliau adalah anak kepada Anna dan Nils Torvalds yang merupakan wartawan dan radikal kampus di Universiti Helsinki pada tahun 1960-an. Linus Torvalds dinamakan sempena nama seorang pemenang Hadiah Nobel iaitu Linus Pauling, seorang ahli kimia fizikal yang terkenal. Linus Torvalds melalui zaman kanak-kanaknya yang agak konvensional dan bahagia walaupun ibu bapanya bercerai sewaktu beliau masih kecil. Beliau tinggal bersama ibunya serta datuk dan nenek beliau. Oleh kerana kebanyakan ahli keluarga adalah wartawan, amalan membaca daripada kecil diberikan penekanan oleh keluarga beliau.

Namun individu yang banyak mempengaruhi kehidupan awal Linus Torvalds adalah datuknya iaitu Leo Torngvist yang merupakan seorang profesor statistik di Universiti Helsinki. Datuknya telah membeli sebuah komputer peribadi iaitu Commodore Vic 20 dan dari situ Linus Torvalds mula berjinak dalam pengaturcaraan dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan BASIC untuk membangunkan program baru setelah bosan dengan program-program yang telah tersedia ada pada komputer tersebut. Sejak daripada itu, pengaturcaraan dan matematik telah menjadi minat utama kepada Linus Torvalds.

Kelahiran Linux

Pada tahun 1988, Linus Torvalds melanjutkan pelajaran di Universiti Helsinki dalam bidang sains komputer. Beliau pada mulanya ingin menggunakan sistem pengoperasian UNIX pada komputer peribadinya namun beliau tidak mempunyai wang untuk menggunakannya. Akhirnya beliau menggunakan MINIX yang dikatakan klon kepada UNIX. Setelah menggunakannya MINIX, beliau menyedari satu kekurangan besar terhadap MINIX adalah tidak semua kod sumber MINIX boleh dikongsi secara umum.

Linus Torvalds kecewa akan perkara ini dan memutuskan untuk membangunkan satu sistem pengoperasian yang baru berasaskan daripada MINIX dan UNIX. Beliau mengambil cuti daripada pengajian dan memberikan penumpuan terhadap projeknya ini. Akhirnya pada 25 Ogos 1991, beliau mengumumkan kepada kumpulan berita MINIX mengenai projeknya. Beliau kemudiannya mengumumkan versi 0.02 sebagai versi rasmi pertama kepada sistem pengoperasian Linux pada 5 Oktober 1991. Kawannya pula iaitu Ari Lemmke telah menasihati beliau agar memuat naik kod sumber kepada rangkaian supaya ia menjadi mudah didapati untuk kajian dan penelitian oleh pengaturcara yang lain.

Langkah seterusnya yang diambil oleh Linus Torvalds adalah dengan melesenkan sistem pengoperasian Linux di bawah GNU General Public License yang menurut beliau adalah langkah terbaik yang diambilnya kerana pada awalnya Linux ingin diletakkan di bawah lesen yang lebih ketat. Sejak daripada itu, prestasi kernel Linux dan *Linux distribution* terus bertambah baik dengan lebih ramai pembangun, individu dan badan korporat sama menyertai dan menyumbang semangat, usaha dan kemahiran pengaturcaraan mereka. Kini Linus Torvalds terlibat secara langsung dengan pembangunan kernel Linux sebagai koordinator projek.

Pengiktirafan

- Diberi penghormatan dengan memenangi Millennium Technology Prize bersama Shinya Yamanaka pada tahun 2012
- Penerima IEEE Computer Society's Computer Pioneer Award 2014
- Telah dinamakan dalam senarai Internet Hall of Fame Inductees dalam kategori 'Innovators' bagi tahun 2012
- Majalah Time telah memberi pelbagai pengiktirafan kepada Linus Torvalds antaranya dengan menamakan beliau sebagai salah seorang individu yang paling berpengaruh di dunia pada tahun 2004

Amazon **AMBIL ALIH** Twitch


Twitch adalah platform penstriman video dan komuniti peminat permainan video yang ditubuhkan pada tahun 2011. Twitch dahulunya dikenali sebagai Twitch.tv adalah laman yang khusus buat permainan video di mana kandungannya boleh dilayari secara langsung ataupun secara atas permintaan. Populariti terhadap laman Twitch begitu memberangsangkan walaupun usia laman perkhidmatan permainan video ini belum mencapai 5 tahun. Ini kerana, pada pertengahan tahun 2013 sahaja, dikhabarkan bahawa anggaran pengunjung laman twitch secara bulanan telah mencecah 43 juta pengunjung dan pada bulan Februari 2014, laman Twitch adalah merupakan sumber trafik keempat terbesar di Amerika Syarikat.



Oleh kerana itu, pelbagai syarikat besar yang ingin melakukan bidaan ke atas Twitch melihat kepada potensi perniagaan dan keuntungan yang ditunjukkan oleh laman berkenaan. Antara syarikat yang menyatakan minat terhadap Twitch adalah syarikat Google dan Amazon. Namun, setelah berbulan-bulan spekulasi mengenai bidaan ke atas Twitch ini akhirnya pihak Twitch mengumumkan bahawa Amazon telah berjaya mengambil alih Twitch pada 25 Ogos 2014 dengan nilai sebanyak USD 970 juta tunai iaitu kira-kira RM 3 bilion. Difahamkan bahawa pihak Google telah membida nilai yang lebih daripada pihak Amazon iaitu sebanyak USD 1 bilion namun rundingan perjanjian mereka tidak dapat diselesaikan kerana menurut sumber, pihak Google kluatir dan bimbang mengenai potensi kepada isu *antitrust* yang boleh berlaku setelah pengambil alihan.

5 Permainan Twitch Paling Popular Bulan Ogos 2014

1. League of Legends
2. Counter-Strike: Global Offensive
3. Hearthstone: Heroes of Warcraft
4. Dota 2
5. Minecraft



Samsung Galaxy Alpha DIPERKENAL

Samsung terus mengukuhkan pasaran telefon pintar mereka kepada pengguna dunia dengan memperkenalkan koleksi telefon pintar Galaxy yang baru yang diberi nama Samsung Galaxy Alpha. Ia adalah telefon pintar Samsung yang hadir dengan reka bentuk bingkai yang berasaskan logam.

- Jenis dan Kelajuan CPU: Octa-Core | 1.3GHz, 1.8GHz
- Paparan: 4.7 inci | 132.4 x 65.5 x 6.7 mm
- Kamera: 12 MP (utama), 2.1 MP (hadapan)
- Storan: 32 GB | Tiada slot mikro SD
- Memori | Bateri: 2 GB RAM | 1860 mAh
- Sistem Pengoperasian: Android KitKat versi 4.4.4

Akaun Twitter JPAM (Jabatan Pertahanan Awam Malaysia) DIGODAM!



Jabatan dan agensi kerajaan sekali lagi menjadi mangsa serangan siber di mana kali ini akaun Twitter milik Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) iaitu @JPAMtwitter telah digodam pada 14 Ogos 2014.

Penggodaman yang dipercayai dilakukan oleh penggodam daripada Argentina yang memanggil diri mereka sebagai @LiberoamericaMu dipercayai dilakukan sejak pukul 1.10 pagi pada hari berkenaan. Motif serangan tidak pula diketahui sehingga kini.



PROGRAM / KURSUS ICT

Sektor K-Ekonomi dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk merancang dan melaksanakan kursus-kursus ICT khusus buat rakyat Negeri Melaka. Kursus ini tidak dikenakan bayaran kerana ianya ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Melaka

PELAKSANAAN PROGRAM / KURSUS ICT BULAN OGOS 2014

12hb Ogos 2014

Bengkel Microsoft Word dengan kerjasama PERPUSTAM

8.30am - 4.30pm

Pusat ICT Negeri Melaka, UTC

19hb Ogos 2014

Seminar Pelaburan

8.00am - 2.00pm

Auditorium Seri Negeri

26hb Ogos 2014

Bengkel Microsoft Excel dengan kerjasama PERPUSTAM

8.30am - 4.30pm

Pusat ICT Negeri Melaka, UTC

* Semua jenis program/kursus ICT yang dianjurkan oleh Sektor K-Ekonomi adalah PERCUMA

Lebih 300 peserta Ikuti Seminar Pelaburan

Sektor K-Ekonomi, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah menganjurkan Seminar Pelaburan pada 19 Ogos 2014 iaitu pada hari Selasa bertempat di Auditorium Seri Negeri. Tujuan pengajuran seminar ini adalah untuk memberikan pengetahuan berkaitan penilaian dan risiko pelaburan serta pendedahan dalam pemilihan pelaburan yang bijak.

Seminar pelaburan yang dianjurkan secara percuma dan terbuka kepada rakyat di negeri Melaka ini telah berjaya menarik minat 340 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai jenis lapisan masyarakat. Seminar ini juga turut berjaya mendapatkan penceramah-penceramah yang berpengalaman dalam bidang pelaburan dan berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka dalam bidang pelaburan kepada para peserta.

Antaranya adalah Prof. Dr. Barjoyai Bardai dari



pada UNIRAZAK dan penglibatan agensi seperti SIDC, RHB Investment Bank dan Public Mutual



Bengkel Microsoft Word Dengan Kerjasama PERPUSTAM
12hb Ogos 2014



Seminar Pelaburan Negeri Melaka
19hb Ogos 2014



Bengkel Microsoft Excel Dengan Kerjasama PERPUSTAM
26hb Ogos 2014





DESKTOP



Microsoft Windows



Chromium OS



OS X



Oracle Solaris



DragonFly BSD



FreeBSD



NetBSD



OpenBSD

Unix



Ubuntu



Linux Mint



Debian



Mageia



Fedora



Arch Linux



CentOS



Knoppix



openSUSE

Linux

SISTEM PENGOPERASIAN MENGIKUT PENGGUNAAN



Blackberry



Ubuntu Touch



Firefox OS



Android



iOS



Tizen



Sailfish OS



Windows Phone



PERANTI MUDAH ALIH